

# Ke mana pendidikan negara?



Ahli panel bercakap pada majlis Dialog Suara Muda, di PENA, Kuala Lumpur.

(FOTO IZHARI ARIFFIN | BERITA HARIAN)

## » PPPM 2013-2025 'kecundang' sebelum pelaksanaan

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bharian.com.my

**D**ialog Orang Muda (DOM) - Isu Pelan Pembangunan Pendidikan: Racun atau Madu gagal menemui titik persamaan di antara panel jemputan yang lebih banyak mengutarkan kelemahan pelan transformasi itu daripada mengutarkan cadangan bernes bagi memperbaiki kaedah pelaksanaannya.

Calon Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Zarif Hassan, yakin pelan transformasi pendidikan negara penggal 2013 hingga 2025 itu gagal ketika masih di atas kertas lagi kerana kerajaan terpaksa menggunakan pakai acuan luar terutama model pendidikan

di Finland, Korea dan Hong Kong. "Mengapa kita perlu menjadikan pencapaian negara luar sebagai kayu ukur, sedangkan hala tuju kita berbeza, malahan falsafah pendidikan tentunya tidak sama dengan matlamat mereka. Selagi ada sikap kebergantungan kepada negara luar, sistem pendidikan negara akan terus berada di belakang dan kita tidak akan ke mana," katanya pada acara di Rumah PENA, Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, Ahad lalu.

Acara bulanan anjuran Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) dengan kerjasama Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) itu dipengerusikan Ahli Jawatankuasa PENA, Muhammad Luthfi Ishak,

Muhammad Zarif Hassan turut menyifatkan matlamat utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang terlalu bertumpu kepada pertumbuhan ekonomi perlu dikaji semula kerana ia sepatutnya lebih mementingkan falsafah pendidikan sebagai tunjang utama.

"Apabila ia lebih bermotifkan kepada perkembangan ekonomi semata berbanding unsur kerohanian pelajar dan guru, ia cenderung membawa perubahan tidak sihat kepada pembangunan modal

*Mengapa kita perlu menjadikan pencapaian negara luar sebagai kayu ukur, sedangkan hala tuju kita berbeza, malahan falsafah pendidikan tentunya tidak sama dengan matlamat mereka. Selagi ada sikap kebergantungan kepada negara luar, sistem pendidikan negara akan terus berada di belakang dan kita tidak akan ke mana"*

**Muhammad Zarif Hassan**  
Calon Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

insan dalam institusi pendidikan negara," katanya yang turut menyifatkan falsafah pendidikan negara masih belum lengkap dan perlu dibincangkan semula.

Calon Sarjana Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Mohd Arif Atan pula melihat PPPM 2013-2025 tidak menerangkan secara tuntas bagaimana kerajaan menghapuskan sistem pemisahan bagi memastikan semua aliran sekolah diberi perwatakan kebangsaan dan merangkumi kepentingan perpaduan nasional.

"PPPM berhasrat mencapai lima keberhasilan teras pendidikan bagi menentukan kejayaan sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhan termasuk capaian, kualiti, ekuiti, kecekapan dan perpaduan. Bagaimanapun, apabila diteliti semula laporan berkenaan tidak menjelaskan apakah mekanisme yang digunakan bagi memperkasa sekolah kebangsaan sebagai institusi pendidikan utama yang mendapat sokongan segenap lapisan rakyat di negara ini, tanpa mengira latar ekonomi.

"Sebaliknya, wujud kenyataan seakan pasrah atau menyerah

menerusi beberapa petikan ayat dalam laporan pelan ini bahawa sekolah kebangsaan semakin kurang mendapat sambutan, sebaliknya sekolah antarabangsa pula makin mendapat permintaan menggalakkan,” katanya yang kesal peranan sekolah kebangsaan sepatutnya dijadikan paksi perpaduan, tetapi tidak diberi penekanan dalam PPPM 2013-2025.

Wakil guru yang juga Pengasas *Teach for the Needs* (TfTN), Zul Fikri Zamir, melihat kepincangan dalam sistem pendidikan negara ini istimewa dan tidak dihadapi negara lain yang sudah pun berjaya dengan transformasi yang dilaksanakan kerana rakyat Malaysia pelbagai kaum, bangsa dan agama.

“Kepelbagaian bangsa, kaum dan agama menjadikan isu utama pendidikan di negara kita melerat sehingga timbul pula isu bahasa. Saya jangka kita akan terus bercakap mengenai perkara sama sehingga 2026, selagi tiada kajian saintifik dilakukan.

“Pihak yang sepatutnya bertanggung jawab tidak turun padang untuk meninjau sendiri situasi semasa di sekolah kerajaan negara ini dan masalah guru yang mengajar di dalam kelas serta mutu pelajar yang dihasilkan menerusi sistem sedia ada pada masa ini,” ujarnya.

Pada DOM itu, beliau turut berkongsi mengenai kajian oleh TfTN mengenai kaedah pembelajaran bagi model sekolah luar negara yang berjaya dalam sistem pendidikan mereka bagi tempoh 10 tahun kebelakangan ini dengan larangan kanak-kanak bersekolah sebelum umur 7 tahun di Finland.

“Larangan di Finland itu bertujuan menerapkan sifat ingin tahu

yang tinggi sebelum kanak-kanak memasuki alam persekolahan, manakala di United Kingdom, guru mendapatkan maklum balas pelajar terlebih dulu mengenai sukanan pelajaran yang ingin dipelajari, sekali gus menimbulkan minat yang tinggi untuk mereka menimba ilmu.

“Masalahnya di Malaysia, kita tidak diberikan kebebasan seumpama negara luar kerana ada sukanan pelajaran yang mahu atau tidak, wajib dipatuhi semua pelajar dan guru dalam tempoh masa ditetapkan,” katanya pada majlis yang dipengerusikan Ahli Jawatankuasa Biro Penulis Muda PENA, Muhammad Luthfi Ishak.

Muhammad Luthfi selaku Pejabat Pengurus DOM sempat menyelar perpaduan dan kepelbagaian kaum sebagai masalah utama dalam sistem pendidikan negara meskipun realitinya, pelbagai cabaran lebih besar pernah dilalui kaum utama di Malaysia sejak sebelum kemerdekaan lagi.

“Secara tradisinya, bangsa Melayu, Cina dan India, diketahui sebagai pencipta tamadun besar dan terawal dunia, sudah pun menghadapi pelbagai rintangan lebih besar sejak dulu lagi. Jadi, mengapa kita tidak kembali melihat kepada sejarah bangsa? Bagaimana semua kaum bersatu dan menyelesaikan masalah bersama ketika mahu mencapai kemerdekaan?” tegasnya.

Dialog lebih sejam setengah itu tentunya akan lebih jelas hala tujuannya sekiranya ada wakil Kementerian Pelajaran diundang bagi menjawab pelbagai soalan yang diajukan, rungutan dan konflik yang dihadapi masyarakat berhubung PPPM 2013-2025.



**Peserta pada majlis dialog suara muda, di PENA.**